Pendakwa Raya lwn Selvarajan a/l Doraipayan dan rayuan lain

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO A-05–287 TAHUN 2009 DAN A-05–125, 126, 127 TAHUN 2010
ABDUL MALIK ISHAK, AZAHAR MOHAMED DAN BALIA YUSOF HHMR
29 JULAI 2013

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sabitan atas kesalahan mengedar dadah berbahaya — Niat bersama — Perayu-perayu dijatuhkan hukuman mati — Dadah dijumpai dalam kereta yang dinaiki perayu-perayu — Sama ada terdapat keterangan yang menafikan milikan perayu-perayu terhadap dadah yang dijumpai — Sama ada sabitan selamat — Sama ada hakim bicara terkhilaf — Sama ada terdapat niat bersama — Sama ada hakim bicara telah mempertimbangkan kesemua keterangan — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(c)

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Niat bersama — Kanun Keseksaan — Elemen-elemen niat bersama — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(c)

Keempat-empat rayuan ini timbul daripada satu perbicaraan yang mana keempat-empat tertuduh pada asalnya dituduh bersama-sama bagi mencapai niat bersama mengedar 843g kanabis, suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwaan telah meminda pertuduhan daripada s 39B(1)(a) ADB kepada s 39B(1)(c) ADB. Di akhir kes pendakwaan, Pesuruhjaya Kehakiman ('hakim bicara') mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal mewujudkan suatu kes prima facie terhadap tertuduh ketiga dan telah membebaskan dan melepaskannya daripada pertuduhan tanpa dipanggil untuk pembelaan. Pendakwaraya telah memfailkan suatu rayuan terhadap pembebasan dan pelepasan tertuduh ketiga. Tertuduh pertama, kedua dan keempat pula didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan pindaan dan masing-masing dijatuhkan hukuman mati mandatori. Tidak berpuas hati, mereka merayu terhadap keputusan hakim bicara. Kes pihak pendakwaan bergantung kuat kepada keterangan SP5, seorang pegawai polis yang bertindak sebagai penyamar sulit. SP5 telah diperkenalkan kepada seorang sumber yang kemudian memperkenalkan SP5 kepada seorang lelaki yang dikatakan terlibat dengan akitiviti pengedaran dadah. Pada hari yang dijanjikan, tertuduh pertama, kedua dan keempat menaiki sebuah kereta Proton Waja ('kereta tersebut'). SP5 dibawa ke kereta tersebut dan di dalam kereta tersebut, SP5 bertanyakan mengenai dadah yang

dijanjikan. Tertuduh kedua kemudiannya mengeluarkan satu bungkusan baju hujan berwarna hitam dari bawah tempat duduk penumpang hadapan kereta. Apabila dibuka, didapati bahawa di dalamnya terdapat satu ketulan mampat ganja yang dibaluti selotape lutsinar dan kertas timah. Sejurus selepas itu, SP5 memberi isyarat dan pasukan serbuan polis datang menyerbu dan menangkap mereka. Pemeriksaan dan analisa yang dijalankan menunjukkan bahawa ketulan mampat tersebut adalah dadah jenis kanabis seberat 843g. Siasatan mendapati bahawa kereta tersebut adalah kereta curi. Nombor pendaftarannya pula adalah sebenarnya didaftarkan pada sebuah Proton Waja milik seorang bernama Kamarudin bin Abu Samah. Menurut pembelaan ketiga-tiga tertuduh, tujuan sebenar tertuduh kedua berjumpa dengan SP5 ialah untuk berunding dengan SP5 bagi menyelesaikan masalah tertuduh kedua yang dikatakan terlibat dengan satu kes bunuh. Tertuduh pertama, kedua dan keempat menyatakan bahawa mereka tidak ada pengetahuan mengenai ganja dalam bungkusan baju hujan yang dibawa masuk oleh tertuduh ketiga ke dalam kereta tersebut. Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') menghujahkan bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta dalam melepaskan dan membebaskan tertuduh ketiga. Tertuduh-tertuduh, masing-masing membangkitkan isu-isu bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari sisi undang-undang dan fakta dalam memutuskan bahawa tertuduh pertama mempunyai niat bersama; hakim bicara telah tersalah arah apabila memutuskan bahawa kenyataan tidak bersumpah tertuduh kedua tidak harus diberikan apa-apa pertimbangan; hakim bicara tersalah arah apabila gagal mengambil kira bahawa pemilik kereta tersebut telah tidak dipanggil oleh pendakwaan.

Diputuskan, menolak rayuan-rayuan:

(1) Di bawah s 34 Kanun, apabila suatu perbuatan jenayah dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama mereka semuanya, setiap seorang daripada mereka adalah bertanggung atas perbuatan tersebut sama seperti seolah-olah perbuatan tersebut dilakukan olehnya seorang. Niat bersama seharusnya perlu dikumpulkan daripada keadaan sesuatu kes (lihat perenggan 32).

(2) Berdasarkan fakta dan keadaan sekeliling kes ini, hakim bicara adalah betul apabila memutuskan bahawa terdapat keterangan yang mencukupi untuk menunjukkan bahawa tertuduh pertama, kedua dan keempat telah membuat persediaan untuk mengedarkan dadah kepada SP5. Hakim bicara betul apabila beliau memutuskan bahawa semua perlakuan mereka, yang perlu dilihat secara keseluruhan, menunjukkan bahawa tertuduh pertama, kedua dan keempat mempunyai niat bersama di bawah s 34 Kanun membuat persiapan dan persediaan untuk mengedarkan dadah (lihat perenggan 34).

(3) Hakim bicara telah mempertimbangkan pembelaan tertuduh pertama

dengan secukupnya. Hakim bicara telah memutuskan tidak mempercayai pembelaan tertuduh pertama. Penemuan fakta disokong oleh keterangan dan keadaan sekeliling yang terdapat dalam kes ini. Hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul dari segi fakta dan undang-undang dan tiada sebarang sebab yang mewajarkan untuk mahkamah ini mengganggu dapatan fakta ini (lihat perenggan 35).

(4) Hakim bicara telah menimbangkan dengan secukupnya dan sewajarnya pembelaan yang dikemukakan oleh tertuduh kedua. Penghakimannya telah menimbangkan dengan cermat dan berhati-hati pembelaan yang dikemukakan oleh tertuduh kedua. Hakim bicara telah memperhalusi pembelaan tertuduh kedua tetapi telah menolaknya. Hakim bicara tidak terkhilaf apabila memutuskan pembelaan tertuduh kedua gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Ini kerana terdapat keterangan jelas menunjukkan bahawa tertuduh kedua memainkan peranan penting dalam rundingan dengan SP5 untuk menjual dadah tersebut (lihat perenggan 37–38).

(5) Sekalipun tuan punya kereta tersebut tidak dipanggil untuk memberi keterangan, kes pendakwaan tidak terjejas kerana ia bersandarkan kepada keterangan rundingan jual beli dadah oleh tertuduh pertama, kedua dan keempat dengan SP5. Adalah penting untuk ditekankan bahawa kes pendakwaan bukan hanya bergantung kepada penemuan dadah dalam kereta tersebut. Tambahan pula, ketulan ganja telah ditunjukkan sendiri oleh tertuduh kedua atas arahan tertuduh pertama. Melihat semua keterangan secara menyeluruh, tertuduh pertama, kedua dan keempat sememangnya berhasrat dari awal-awal lagi untuk menjual ketulan ganja yang disembunyikan di dalam kereta tersebut kepada SP5 (lihat perenggan 39).

[English summary

All these four appeals arose from a trial where all the four accused persons were originally charged together for trafficking in 843g of cannabis with common intention, an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') read together with s 34 of the Penal Code ('the Code'). At the end of the prosecution case, the prosecution had amended the charge from s 39B(1)(a) of the DDA to one under s 39(1)(c) of the DDA. At the end of the prosecution's case, the judicial commissioner ('the trial judge') found that the prosecution had failed to establish a prima facie case against the third accused and had acquitted and discharged him from the charge without calling for his defence. The prosecution filed an appeal against the acquittal and discharge of the third accused. The first, second and fourth accused were found guilty and were convicted on the amended charge and were respectively sentenced to mandatory death. Not satisfied, they appealed against the decision of the trial judge. The prosecution's case relied heavily on the evidence of SP5, a police officer who acted as agent provocateur. SP5 was introduced to an informer who

subsequently introduced SP5 to a man who were said to be involved with drug trafficking activities. On the fixed date, the first, second and fourth accused got onto a Proton Waja car ('the car'). SP5 was taken to the car and in the car, SP5 asked about the promised drugs. The second accused then took out a package of black coloured rain coat from below the front passenger seat of the car. When opened, it was found in it a compressed slab of cannabis wrapped with transparent cellophane tape and aluminum foil. Shortly thereafter, SP5 gave the signal and the police ambush party ambushed and arrested them. The examination and analysis conducted showed that the compressed slab was cannabis weighing 843g. The investigation revealed that the car was stolen. Its registration number was in fact registered to a Proton Waja belonging to one Kamarudin bin Abu Samah. According to the defence of all the three accused, the real purpose of the second accused meeting with SP5 was to discuss with SP5 to settle the problems of second accused who were alleged to have been involved in a murder case. The first, second and fourth accused stated that they have no knowledge of the cannabis in the raincoat package brought in by the third accused to the car. The deputy public prosecutor ('DPP') contended that the trial judge had erred in law and in fact in discharging and acquitting the third accused. The accused persons, respectively raised the issues that the trial judge had erred in law and in fact in deciding that the first accused had the common intention; the trial judge had erred in deciding that the unsworn evidence of the second accused ought not to be considered; the trial judge had misdirected himself when he failed to take into account that the owner of the car had not been called by the prosecution.

Held, dismissing the appeals:

(1) Under s 34 of the Code, when a crime had been committed by a few persons in furtherance of their common intention, each one of them were liable of the action so as it had been committed by him alone. The common intention must be established from the circumstances of a case (see para 32).

(2) Based on the facts and surrounding circumstances of this case, the trial judge was correct in deciding that there was sufficient evidence to show that the first, second and fourth accused had made the preparation to traffic in drugs to SP5. The trial judge was correct in deciding that all their actions, which seen as a whole, showed that the first, second and fourth accused had the common intention under s 34 of the Code to do the preparation to traffic in the dangerous drugs (see para 34).

(3) The trial judge had considered the defence of the first accused sufficiently. The trial judge had concluded that he did not believe the defence of the first accused. The finding of fact was supported by the evidence and the surrounding circumstances in this case. The trial judge

had correctly directed himself in fact and law and there was no reason that warranted this court to disturb the finding of fact (see para 35).

(4) The trial judge had sufficiently and appropriately considered the defence adduced by the second accused. His judgment had carefully considered the defence adduced by the second accused. The trial judge had evaluated the defence of the second accused but had rejected the same. The trial judge had not erred in deciding that the defence of the second accused had failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case. This was because there was clear evidence that showed that the second accused had played an important role in the discussion with SP5 to sell the drugs (see paras 37–38).

(5) Even if the owner of the car was not called to testify, the prosecution's case was not prejudiced as it was based on the evidence of the discussion for the selling and buying of the drugs by the first, second and fourth accused persons with SP5. It was important to be emphasised that the prosecution's case did not only depend on the recovery of the drugs in the car. Moreover, the slabs of cannabis were shown by the second accused himself on the instruction of the first accused. Looking at all the evidence as a whole, the first, second and fourth accused persons had actually intended from the beginning to sell the slabs of cannabis which were concealed in the car to SP5 (see paras 39).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pengedaran, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 205–300.

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 216–222.

Kes-kes yang dirujuk

Sabarudin bin Non & Ors v PP [2005] 4 MLJ 37; [2005] 1 AMR 4, MR (dirujuk)

Azahan bin Mohd Aminallah v PP [2005] 5 MLJ 334; [2005] 1 CLJ 374, MR (dirujuk)

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a), (c), (2)
Kanun Keseksaan ss 34, 304
Kanun Tatacara Jenayah s 182A

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–1 Tahun 2005 (Mahkamah Tinggi, Ipoh)

Munahyza Mustafa (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Hisham Nazir (Hisham Nazir & Co) bagi pihak tertuduh pertama.
Salim Bashir (Salim Bashir Ruswiza & Co) bagi pihak tertuduh kedua.
Charan Singh (Nurul & Charan) bagi pihak tertuduh ketiga.
Yunus Ali (Yunus Ali & Kam) bagi pihak tertuduh keempat.

Azahar Mohamed HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Terdapat empat rayuan di hadapan kami. Pertama, Rayuan Jenayah No A-05–287 Tahun 2009. Perayu adalah pendakwa raya, manakala responden adalah Selvarajan a/l Doraipayan (tertuduh ketiga di Mahkamah Tinggi). Kedua, Rayuan Jenayah No A-05–125 Tahun 2010. Perayu dalam rayuan ini adalah Mohammad Paris bin Che Heng (tertuduh pertama di Mahkamah Tinggi). Ketiga, Rayuan Jenayah No A-05–126 Tahun 2010. Perayu dalam rayuan ini adalah Mohd Shaifuldin bin Khairudin (tertuduh kedua di Mahkamah Tinggi), dan keempat, Rayuan Jenayah No A-05–127 Tahun 2010. Perayu dalam rayuan ini adalah N Rajanthran a/l Nagappan (tertuduh keempat di Mahkamah Tinggi).

[2] Untuk memudahkan rujukan dalam penghakiman ini, kami akan merujuk semua tertuduh sebagaimana mereka dirujuk di Mahkamah Tinggi.

[3] Keempat-empat rayuan ini timbul dari satu perbicaraan iaitu Perbicaraan Jenayah No 45–1 Tahun 2005 di Mahkamah Tinggi Ipoh, di mana keempat-empat tertuduh pada asalnya dituduh bersama-sama bagi mencapai niat bersama mengedar cannabis seberat 843g yang merupakan suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwaan telah meminda pertuduhan dari s 39B(1)(a) ADB kepada s 39B(1)(c) ADB iaitu 'telah melakukan perbuatan sebagai persediaan bagi tujuan mengedar dadah berbahaya'.

[4] Butir-butir terperinci pertuduhan pindaan tersebut adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 11 Jun 2004 lebih kurang jam 7.15 petang, hadapan Restoran Tanjung Mewah, Jalan Mewah, Tanjung Rambutan, Ipoh, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak, bagi mencapai niat bersama kamu semua, telah melakukan perbuatan sebagai persediaan bagi tujuan memperedar dadah berbahaya iaitu cannabis seberat 843 gram. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(c) Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca bersama seksyen 39B(2) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[5] Di akhir kes pendakwaan, YA pesuruhjaya kehakiman ('hakim bicara')

mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal mewujudkan suatu kes prima facie terhadap tertuduh ketiga dan oleh yang demikian, tertuduh ketiga telah dibebaskan dan dilepaskan daripada pertuduhan tanpa pembelaan dipanggil. Pendakwa raya telah memfailkan suatu rayuan ke mahkamah ini berkaitan dengan perintah pembebasan dan pelepasan tersebut (Rayuan Jenayah No A-05–287 Tahun 2009). Mengenai tertuduh pertama, kedua dan keempat pula, hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap mereka dan oleh yang demikian, mereka semua telah diperintahkan mengemukakan pembelaan masing-masing terhadap pertuduhan pindaan yang mereka hadapi. Di akhir perbicaraan, hakim bicara mendapati mereka bertiga bersalah dan mensabitkan pertuduhan pindaan yang berkenaan terhadap mereka. Hakim bicara telah menjatuhkan hukuman mati mandatori terhadap tertuduh pertama, kedua dan keempat. Tidak puas hati dengan keputusan tersebut, mereka telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini (Rayuan Jenayah No A-05–125 Tahun 2010, A-05–126 Tahun 2010 dan A-05–127 Tahun 2010).

[6] Kami telah mendengar keempat-empat rayuan ini bersekali dan di akhir pendengaran, kami dengan sebulat suara memutuskan bahawa rayuan pendakwa raya adalah tidak bermerit dan dengan yang demikian ditolak. Berkaitan dengan rayuan-rayuan tertuduh pertama, kedua dan keempat, kami dengan sebulat suara juga memutuskan bahawa rayuan mereka adalah tidak bermerit dan dengan yang demikian ditolak.

[7] Diperturunkan sekarang alasan terperinci keputusan kami.

KES PENDAKWAAN

[8] Fakta kes ini telah dihuraikan dengan terperinci oleh hakim bicara dalam penghakiman beliau yang dapat dilihat di ms 21–31, Jilid 1 rekod rayuan. Memadai di sini, kami perturunkan keterangan-keterangan yang penting sahaja yang disandarkan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan pertuduhan tersebut.

[9] Kes pihak pendakwaan bergantung kuat kepada keterangan D/SM Busra bin Abd Kadir ('SP5') yang bertindak sebagai penyamar sulit. Pada 9 Jun 2009 jam 2 petang, SP5 telah diperkenalkan kepada seorang sumber. Sumber telah bersetuju untuk memperkenalkan SP5 kepada seorang lelaki yang dikatakan terlibat dengan akitiviti pengedaran dadah di Kampung Banggol Belimbing. Dengan bantuan sumber, pada jam lebih kurang 6 petang, SP5 dan sumber telah pergi ke sebuah rumah di Kampung Banggol Belimbing di mana sumber telah memperkenalkan SP5 kepada tertuduh kedua.

[10] Dalam pertemuan kali pertama itu, tertuduh kedua telah menyatakan

kesanggupannya untuk membekalkan sekilogram ganja kepada SP5 dengan harga RM2,500. Pada masa itu, tertuduh kedua tidak mempunyai simpanan ganja. Menurut tertuduh kedua, beliau perlu menelefon pakciknya yang tinggal di Ipoh bagi mendapatkan bekalan. Kemudian, tertuduh kedua telah membuat panggilan telefon dengan menggunakan telefon bimbit SP5 dan setelah selesai membuat panggilan itu, tertuduh kedua memberitahu SP5 yang beliau akan menelefon semula SP5 pada malam tersebut. Sebelum berpisah, SP5 telah memberikan nombor telefon bimbitnya kepada tertuduh kedua. Di sepanjang perbincangan antara SP5 dan tertuduh kedua ini, sumber menunggu di dalam kereta yang terletak lebih kurang 20 meter dari tempat perbincangan.

[11] Pada keesokan harinya, 10 Jun 2004 jam 3 petang, SP5 menelefon tertuduh kedua dan dalam perbualan telefon itu, tertuduh kedua memberitahu SP5 bahawa bekalan ganja sudah sedia ada dan SP5 diminta datang ke Ipoh bagi mengambil bekalan ganja tersebut. Tertuduh kedua meminta SP5 menunggunya di perhentian bas iaitu di Bangunan Tajuddin Ali, Ipoh sekitar jam 4–5 petang di mana tertuduh akan datang menaiki bas. Tertuduh kedua memberitahu SP5 bahawa sebelum bertolak, beliau akan menelefon SP5 dahulu. Sehingga lewat pukul 5 petang hari yang sama, tertuduh kedua tidak menghubungi SP5. Oleh itu, SP5 sendiri menelefon tertuduh kedua. Dalam perbualan telefon itu, tertuduh kedua memberitahu SP5 bahawa bekalan ganja belum diperolehinya lagi tetapi beliau memberi kepastian bahawa bekalan akan diperolehinya pada esok harinya, 11 Jun 2004. Tertuduh kedua meminta SP5 menelefon beliau semula pada sebelah petang keesokannya.

[12] Lanjutan dari itu, pada 11 Jun 2004 jam 2.45 petang, SP5 telah menelefon tertuduh kedua di mana SP5 diberitahu bahawa tertuduh kedua akan berlepas dengan menaiki bas pada jam 4 petang dan sekali lagi meminta SP5 menunggunya di perhentian bas di Bangunan Tajuddin Ali sekitar jam 4–5 petang bagi tujuan mengambil bekalan ganja daripada pakciknya. SP5 telah memaklumkan perkembangan itu kepada ketua serbuan, SP6 yang kemudiannya telah mengaturkan satu pasukan serbuan.

[13] Pada jam 6.20 petang, SP5 telah menerima panggilan telefon dari tertuduh kedua yang memaklumkan beliau telah sampai di perhentian bas yang berkenaan. SP5 meminta tertuduh kedua menunggunya di situ sehingga beliau sampai. Pada masa yang sama, pasukan serbuan telah bertindak dengan berlepas ke lokasi penugasan. Pada jam 6.30 petang, SP5 bersama dengan D/Konst Mohd Rizal (yang ditugaskan juga sebagai penyamar sulit bagi membantu dalam operasi ini) telah menaiki kereta dan menemui tertuduh kedua di perhentian bas tersebut. Tertuduh kedua telah masuk dan duduk di tempat duduk belakang kereta tersebut. SP5 telah memperkenalkan D/Konst Mohd Rizal sebagai 'Rizal' kepada tertuduh kedua. Selepas itu, tertuduh kedua

telah meminta SP5 memandu ke arah sebuah Stesen Minyak Esso bagi mengambil bekalan ganja dari pakciknya di situ.

[14] Tidak berapa lama kemudian, mereka bertiga telah sampai di stesen minyak tersebut di mana tertuduh kedua telah menelefon pakciknya dengan menggunakan telefon SP5. Selepas itu, tertuduh kedua meminta SP5 dan 'Rizal' pergi menemui pakciknya di Restoran Tanjung Mewah yang terletak di seberang jalan bertentangan dengan stesen minyak tersebut.

[15] SP5 enggan menuruti permintaan tertuduh kedua itu dan sebaliknya meminta tertuduh kedua pergi menemui pakciknya di restoran itu bersendirian. Lalu tertuduh kedua telah berjalan kaki bersendirian ke restoran itu, manakala SP5 dan 'Rizal' terus berada di dalam kereta. Tidak berapa lama kemudian, SP5 telah menerima panggilan telefon dari tertuduh kedua yang meminta SP5 dan 'Rizal' datang ke restoran tersebut. Kemudian, SP5 dan 'Rizal' menaiki kereta menuju ke restoran itu. Setibanya di situ, SP5 nampak tertuduh kedua sedang duduk semeja dengan tertuduh pertama dan tertuduh keempat. Di meja itu, tertuduh kedua telah memperkenalkan tertuduh pertama dan tertuduh keempat kepada SP5. Selepas itu, SP5 dan 'Rizal' memesan minuman dan berbual-bual. Sambil minum-minum, SP5 bertanya secara rambang 'barang ada pada siapa?' Tertuduh pertama terus menjawab 'Ada, tapi kena keluar ambil tapi tidak jauh dari sini'. Kemudiannya, tertuduh pertama, kedua dan keempat telah bangun dan berjalan ke sebuah kereta Proton Waja No WKR 8275 yang terletak tidak jauh dari situ. Mereka bertiga menaiki kereta tersebut dengan tertuduh pertama sebagai pemandu, tertuduh kedua sebagai penumpang hadapan dan tertuduh keempat sebagai penumpang belakang. Pada masa itu, SP5 dan 'Rizal' masih terus duduk di meja tersebut. Kemudian, tertuduh kedua telah melambaikan tangan memanggil SP5 datang kepadanya dan apabila SP5 datang dan berdiri di luar kiri kereta, tertuduh kedua meminta SP5 mengikuti mereka untuk mengambil bekalan ganja yang dijanjikan. SP5 enggan pergi bersama walaupun dipujuk oleh tertuduh kedua dan keempat.Kemudian tertuduh pertama bertanya kepada SP5 'Ada duit ke?'. SP5 jawab 'Ada'. Tertuduh pertama bertanya lagi, 'Ada kat mana?' dan SP5 menjawab 'Ada pada kawan saya'. Kemudian tertuduh pertama memberitahu jika SP5 enggan mengikuti mereka, maka beliau meminta 'Rizal' mengikuti mereka. Ini membangkitkan kemarahan SP5. SP5 lalu menyatakan kepada tertuduh pertama bahawa beliau hanya membuat perjanjian dengan tertuduh kedua dan penyerahan ganja telah dijanjikan sebelum itu di Stesyen Minyak Esso tetapi telah berubah. Kemudiannya, mereka bertiga beredar dengan menaiki kereta itu. Kira-kira sepuluh minit kemudian, kereta Proton Waja No WKR 8275 itu datang semula dan melintasi di hadapan meja yang diduduki oleh SP5 dan 'Rizal'. Kereta Proton Waja itu kemudiannya berhenti tidak jauh dari situ dan tertuduh pertama, kedua, keempat dan seorang lelaki lagi dilihat

turun dari kereta tersebut dan mereka menghampiri meja SP5 dan 'Rizal'. Lelaki itu adalah tertuduh ketiga yang memperkenalkan dirinya sebagai 'Selva'.

[16] Kemudian, SP5 dan 'Rizal' berbual-bual dengan mereka sambil SP5 bertanya kepada tertuduh pertama 'Barang adakah?' lalu tertuduh keempat mencelah dan memberitahu 'Relaxlah'. SP5 menjawab, 'Mana boleh tunggu lama-lama'. SP5 kemudian memberitahu yang beliau tidak selesa kerana merasakan orang yang berada di sekeliling memerhatikan mereka. Lalu tertuduh pertama berkata 'Barang ada dalam kereta' dan SP5 menjawab 'Saya nak tengok'. Tertuduh pertama beritahu kepada SP5, 'Kita kena bawa kereta keluar dari sini, dan abang ikut dari belakang, nanti kita kiri kanan di tepi jalan'. SP5 memberitahu perayu pertama, 'Saya nak tengok dulu, confim ada baru saya nak ikut'. Kemudian, tertuduh pertama terus mengarahkan tertuduh kedua membawa SP5 ke kereta Proton Waja No WKR 8275 sambil memberikan kunci kereta kepada tertuduh kedua. Lalu tertuduh kedua membawa SP5 ke kereta tersebut dan membuka pintu kereta itu dengan menggunakan *remote control* dan masuk ke bahagian tempat duduk penumpang belakang dan duduk di sebelah kiri belakang kereta diikuti dengan SP5 yang duduk di sebelah kanan belakang kereta.

[17] Di dalam kereta, SP5 bertanyakan kepada tertuduh kedua 'Mana barang?'. Kemudian, tertuduh kedua membongkokkan badannya dan mengeluarkan satu bungkusan baju hujan berwarna hitam dari bawah tempat duduk penumpang hadapan kereta. Apabila dibuka baju hujan itu, di dalamnya terdapat satu ketulan mampat ganja yang dibaluti selotape lutsinar dan kertas timah. Lalu tertuduh kedua bertanyakan 'Puas hati?' dan SP5 menjawab 'Ok, puas hati'. Tertuduh kedua kemudian membalut semula ketulan mampat itu dengan baju hujan hitam itu dan menyorokkan semula di bawah tempat duduk penumpang hadapan kiri. Tidak berapa lama selepas itu, SP5 dan tertuduh kedua berjalan semula ke meja tersebut. Kemudian, SP5 telah menggaru-garu kepalanya sebagai 'isyarat tangkap' dan serentak itu memperkenalkan diri dengan menjerit 'Polis' dan terus menangkap tertuduh pertama dan kedua. Pada masa yang sama 'Rizal' berjaya menangkap tertuduh keempat. Manakala SP6 melakukan tangkapan ke atas tertuduh ketiga.

[18] Selepas tangkapan ke atas semua tertuduh dibuat, SP6 dengan bantuan anggota serbuan yang lain telah membawa kesemua tertuduh ke kereta itu. SP5 telah membuka pintu belakang kiri kereta dan menunjukkan bungkusan baju hujan yang tersorok di bawah tempat duduk penumpang hadapan kereta, lalu SP6 mengeluarkan bungkusan itu dari bawah sekeping pelapik getah dan meletakkannya di atas permukaan jalan. Dalam kehadiran kesemua tertuduh, SP6 telah memeriksa kandungan bungkusan baju hujan dan menjumpai satu ketulan mampat ganja yang dibaluti selotape lutsinar dan kertas timah.

[19] Encik Mohd Zaini bin Abd Rahman ('SP3') yang merupakan seorang ahli kimia telah mengesahkan, setelah pemeriksaan dan analisat dijalankan, bahawa ketulan mampat tersebut adalah dadah jenis cannabis seberat 843g.

[20] Pegawai penyiasat, Insp Syed Zainal Abidin bin Syed Ali ('SP7') dalam siasatan mendapati bahawa kereta Proton Waja No WKR 8275 itu adalah kereta curi. Badan Proton Waja itu mempunyai nombor chasis kepunyaan seorang bernama Salmah bt Laham. Manakala, nombor pendaftaran WKR 8275 itu pula adalah sebenarnya didaftarkan pada sebuah Proton Waja milik seorang bernama Kamarudin bin Abu Samah.

PEMBELAAN TERTUDUH PERTAMA, KEDUA DAN KEEMPAT DI MAHKAMAH TINGGI

[21] Ketiga-tiga tertuduh masing-masing memilih untuk memberi kenyataan bertulis tidak bersumpah dari kandang salah. Pembelaan mereka bolehlah diringkaskan seperti berikut. Menurut pembelaan ketiga-tiga tertuduh, tujuan sebenar tertuduh kedua berjumpa dengan SP5 ialah untuk berunding dengan SP5 bagi menyelesaikan masalah tertuduh kedua yang dikatakan terlibat dengan satu kes bunuh. Menurut cerita tertuduh kedua, beliau akan mengemukakan pisau yang digunakan dalam kes bunuh itu dengan syarat SP5 boleh membantunya dituduh di bawah s 304 Kanun Keseksaan. Tertuduh kedua kemudiannya telah meminta tertuduh pertama membawa pisau itu ke Restoran Tanjung Mewah.

[22] Pada 11 Jun 2004 kira-kira jam 6.30 petang, tertuduh pertama telah meminjam kereta Proton Waja No WKR 8275 itu dan menyimpan pisau itu di dalam but kereta tersebut. Tertuduh pertama kemudian pergi menjemput tertuduh keempat untuk pergi bersama-sama ke restoran yang berkenaan. Sebelum sampai di Restoran Tanjung Mewah, tertuduh pertama telah berhenti di kawasan hutan untuk menyorokkan pisau itu.

[23] Tertuduh pertama, kedua, keempat, SP5 dan 'Rizal' kemudiannya telah berjumpa di Restoran Tanjung Mewah itu. Semasa perundingan, tiada perkataan 'ganja' digunakan, malah sebaliknya semua mereka menggunakan perkataan 'barang'. Menurut ketiga-tiga tertuduh, 'barang' itu adalah pisau yang disorokkan di hutan sebelum itu. Mereka kemudiannya bersama-sama menaiki kereta Proton Waja No WKR 8275 untuk mengambil pisau tersebut.

[24] Dalam perjalanan untuk balik semula ke Restoran Tanjung Mewah, tertuduh ketiga telah menelefon tertuduh keempat memberitahu bahawa motorsikalnya rosak. Oleh itu, tertuduh pertama telah pergi mengambil tertuduh ketiga. Sewaktu tertuduh ketiga masuk ke kereta Proton Waja itu, tertuduh ketiga dilihat membawa satu bungkusan seperti baju hujan dari

motorsikalnya. Tertuduh ketiga membawa bungkusan tersebut masuk ke dalam kereta dan duduk di kerusi penumpang belakang sebelah kiri.

[25] Apabila sampai semula di Restoran Tanjung Mewah, keempat-empat tertuduh telah kembali duduk semeja dengan SP5 dan 'Rizal'. Pada masa itu, SP5 dikatakan telah tidak sabar-sabar lagi hendak melihat pisau itu. Tertuduh pertama lalu meminta tertuduh kedua membawa SP5 ke kereta Proton Waja itu dan menunjukkan pisau tersebut di dalam but kereta. Apabila mereka berdua telah kembali ke meja, tiba-tiba pihak polis telah menyerbu dan menangkap mereka berempat. Pihak polis kemudiannya telah pergi ke kereta Proton Waja itu dan menggeledah kereta tersebut. Pihak polis telah membawa keluar satu bungkusan dan membukanya di hadapan mereka berempat. Tertuduh pertama, kedua dan keempat menyatakan bahawa mereka tidak ada pengetahuan mengenai ganja dalam bungkusan baju hujan yang dibawa masuk oleh tertuduh ketiga ke dalam kereta Proton Waja itu.

RAYUAN PENDAKWA RAYA (RAYUAN JENAYAH NO A-05–287 TAHUN 2009)

[26] Timbalan pendakwa raya ('TPR') telah berhujah bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila telah, di akhir kes pendakwaan, melepaskan dan membebaskan tertuduh ketiga daripada pertuduhan yang berkenaan. Menurut TPR, terdapat keterangan yang kukuh mengenai pembabitan tertuduh ketiga dalam transaksi persediaan untuk mengedar dadah bersama-sama dengan tertuduh pertama, kedua dan keempat.

[27] Kami tidak dapat bersetuju dengan hujahan ini. Fakta menunjukkan bahawa segala urusan perjumpaan, perbincangan dan persetujuan membekal dadah adalah di antara SP5 dan tertuduh kedua. Dalam pertemuan tersebut, nama tertuduh ketiga langsung tidak terlibat. Pada pertemuan di Restoran Tanjung Mewah pula, perjumpaan dan perbincangan berkenaan dengan dadah dan wang juga tidak melibatkan tertuduh ketiga. Hanya tertuduh pertama, kedua dan keempat yang terlibat sama pada masa material. Kemudian mereka bertiga telah keluar. Mereka kembali semula ke restoran tersebut di mana hanya pada masa itulah tertuduh ketiga telah keluar dari kereta Proton Waja No WKR 8275. Kemudian terdapat perbualan di antara SP5 dan tertuduh pertama dan kedua seperti mana yang telah dinyatakan di awal penghakiman ini. Dari keterangan SP5, tidak ada apa-apa perkataan 'ganja' telah digunakan semasa perbualan tersebut. Adalah jelas bahawa semasa tertuduh ketiga berada di meja tersebut, tidak ada perkataan 'ganja' digunakan dalam perbincangan antara SP5 dan tertuduh pertama, kedua dan keempat. Tertuduh ketiga langsung tidak masuk campur dalam perbualan di meja tersebut. Malah semasa tertuduh ketiga berada di situ, tidak ada perbualan berkenaan dengan jumlah barang atau wang dibincangkan. Adalah tidak jelas

dari keterangan, sama ada ganja tersebut sudah ada dalam kereta semasa perjumpaan pertama di restoran tersebut, atau diambil dalam perjalanan semasa tertuduh pertama, kedua dan keempat keluar dari restoran sebelum tertuduh ketiga menaiki kereta tersebut. Selanjutnya, keterangan menunjukkan ganja tersebut berada di bawah tempat duduk hadapan kiri dan tertuduh kedua telah membongkokkan badan dan mengeluarkannya untuk menunjukkan kepada SP5 ganja tersebut. Ganja tersebut berada di dalam baju hujan dan dibalut dengan *selotape* lutsinar dan kertas timah. Dari keterangan yang sedia ada, adalah sukar untuk membuat inferen bahawa tertuduh ketiga mempunyai pengetahuan tentang dadah di bawah tempat duduk tersebut.

[28] Pada hemat kami, sungguhpun keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan mungkin boleh menimbulkan satu syak wasangka bahawa tertuduh ketiga terlibat sama dalam kes ini, namun manfaat keraguan harus dan hendaklah diberi kepada tertuduh ketiga memandangkan hal keadaan kes ini. Syak wasangka bukanlah keterangan dan tidak boleh dijadikan sebarang asas untuk mensabitkan tertuduh ketiga terhadap pertuduhan yang dikenakan ke atasnya. Manfaat keraguan, pada hemat kami, perlu diberikan kepada tertuduh ketiga dalam hal keadaan kes ini. Dalam hubungan ini, kami ingin merujuk kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 di mana Augustine Paul HMR (pada ketika itu) dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuaan mengingatkan kita tentang tahap pembuktian pada penutup kes pendakwaan. Inilah apa yang dikatakan oleh hakim yang arif itu:

> The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.

[29] Dengan yang demikian, atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas, pada hemat kami, hakim bicara tidak terkhilaf apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal untuk membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh ketiga.

RAYUAN TERTUDUH PERTAMA (RAYUAN JENAYAH NO A-05–125 TAHUN 2010)

[30] Peguam tertuduh pertama telah membangkitkan dua isu. Bagi isu pertama telah dihujahkan bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari sisi undang-undang dan fakta di dalam memutuskan bahawa tertuduh pertama mempunyai niat bersama dalam perbuatan persediaan mengedarkan dadah tersebut.

[31] Kami mendapati hujah ini tidak bermerit. Keterangan dengan jelas menunjukkan bahawa perbincangan transaksi untuk jual beli dadah dan persediaan untuk pengedaran dadah itu telah mula berjalan di antara tertuduh kedua dengan SP5 sejak 9 Jun 2004 iaitu sebaik sahaja SP5 telah pergi ke rumah tertuduh kedua. Perundingan mengenai bekalan dadah tersebut seterusnya telah berjalan melalui dua panggilan telefon di antara SP5 dan tertuduh kedua pada 10 Jun 2004 dan dua lagi panggilan telefon pada 11 Jun 2004. Setelah tertuduh kedua diambil di stesen bas di Bangunan Tajuddin Ali, Ipoh dan dibawa ke Stesyen Minyak Esso, tertuduh kedua telah mempertemukan dan memperkenalkan SP5 dan 'Rizal' dengan tertuduh pertama dan tertuduh keempat di restoran yang berkenaan. Hal mengenai bekalan dadah dibincangkan lagi di antara tertuduh pertama, kedua dan keempat dengan SP5 dan 'Rizal'. Sesudah itu, tertuduh pertama, kedua dan keempat telah bergerak menaiki kereta Proton Waja No WKR 8275 meninggalkan SP5 dan 'Rizal' yang menunggu di restoran tersebut. Kira-kira sepuluh minit kemudian, mereka telah datang semula ke restoran itu. Setelah mereka duduk semula semeja dengan SP5 dan 'Rizal', perbincangan mengenai cara serahan diperbualkan lagi. Untuk meyakinkan SP5 bahawa dadah telah dibawa di dalam kereta Proton Waja itu, tertuduh pertama telah memberikan kunci kereta kepada tertuduh kedua dan mengarahkan tertuduh kedua membawa SP5 ke kereta itu untuk melihatnya sendiri di dalam kereta.

[32] Di sini adalah masa yang sesuai bagi kami menyentuh persoalan niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan bahawa apabila suatu perbuatan jenayah dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama mereka semuanya, setiap seorang daripada mereka itu adalah bertanggung atas perbuatan itu sama seperti seolah-olah perbuatan itu dilakukan olehnya seorang. Niat bersama seharusnya perlu dikumpulkan daripada keadaan sesuatu kes (lihat *Sabarudin bin Non & Ors v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 37; [2005] 1 AMR 4).

[33] Berhubung isu ini, hakim bicara dalam penghakiman beliau telah berkata:

> Secara kesimpulannya bagi isu ini, didapati memang semua perbuatan, pergerakan OKT1, 2 dan 4 adalah positif dalam penyediaan dadah dalam persoalan untuk suatu transaksi jual beli dadah nanti. Saya berpuas hati bahawa terdapat cukup keterangan yang diajukan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan intipati persediaan sepertimana pertuduhan terhadap OKT1, 2 dan 4.
>
> Berbalik kepada intipati 'niat bersama' sepertimana pertuduhan terhadap kesemua tertuduh, saya mendapati bahawa cukup keterangan kepada isu ini terhadap OKT1, 2 dan 4 sahaja. Ini kerana dari awal lagi OKT2 telah pun memperlihatkan niatnya untuk bekalan 1kg ganja sewaktu pertama kali berjumpa dengan SP5. Niatnya (OKT2) ini telah 'dikongsi' bersama-sama OKT1 dan 4 di waktu pertemuan OKT1, 2 dan 4 dengan SP5 dan Rizal di Restoran Tanjung Mewah.

Perbualan-perbualan mereka merujuk kepada bekalan dadah. Pergerakan OKT1, 2 dan 4 juga atas urusan bekalan dadah di mana wang beli dadah yang diserahkan telah menunjukkan SP5 juga mempunyai 'chemistry' yang sama dengan tertuduh-tertuduh yang menjuruskan kepada niat pihak-pihak dalam kes ini bagi transaksi jual beli. Ketiga-tiga OKT1, 2 dan 4 bersama-sama aktif mengambil bahagian dalam urusan bekalan dadah di restoran itu. Semua minda OKT1, 2 dan 4 tertumpu kepada satu perkara sahaja — soal bekalan dan penjualan dadah yang menggambarkan kepada niat bersama mereka. Saya yakin bahawa niat bersama ini telah dibuktikan meskipun ianya dibuktikan melalui keterangan tidak langsungnya yang disimpulkan.

[34] Berdasarkan fakta dan keadaan sekeliling kes ini, pada hemat kami, hakim bicara adalah betul apabila memutuskan bahawa terdapat keterangan yang mencukupi untuk menunjukkan bahawa tertuduh pertama, kedua dan keempat telah membuat persediaan untuk mengedarkan dadah itu kepada SP5. Hakim bicara adalah betul apabila memutuskan bahawa semua perlakuan mereka yang perlu dilihat secara keseluruhan menunjukkan bahawa tertuduh pertama, kedua dan keempat mempunyai niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan membuat persiapan dan persediaan untuk mengedarkan dadah itu.

[35] Kini, kami membincangkan alasan kedua yang dibangkitkan oleh peguam tertuduh pertama. Peguam telah berhujah bahawa hakim bicara terkhilaf kerana tidak memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada pembelaan tertuduh pertama. Kami juga tidak dapat menerima hujahan ini. Tertuduh pertama memilih untuk memberi kenyataan bertulis tidak bersumpah dari kandang salah. Pada hemat kami dalam penghakiman beliau, hakim bicara telah mempertimbangkan pembelaan tertuduh pertama dengan secukupnya. Ini dapat dilihat di ms 36–40 rekod rayuan Jilid 1 di mana dirujuk tentang pembelaan tertuduh pertama bahawa 'barang' yang dibincangkan dengan SP5 adalah 'pisau' dan bukannya 'ganja'. Hakim bicara telah memutuskan tidak mempercayai pembelaan tertuduh pertama itu. Kami bersetuju dengan penemuan fakta di atas yang dibuat oleh hakim bicara, yang pada hemat kami disokong oleh keterangan dan keadaan sekeliling yang terdapat dalam kes ini. Kami berpendapat hakim bicara telah menilai dengan secukupnya isu ini. Hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul dari segi fakta dan undang-undang dan tiada sebarang sebab yang mewajarkan untuk kami mengganggu dapatan fakta ini.

RAYUAN TERTUDUH KEDUA (RAYUAN JENAYAH NO A-05–126 TAHUN 2010)

[36] Peguam tertuduh kedua telah mengemukakan dua alasan utama. Pertama, hakim bicara telah tersalah arah apabila memutuskan bahawa kenyataan tidak bersumpah tertuduh kedua 'tidak harus diberikan apa-apa

pertimbangan'. Memang benar bahawa keterangan tidak bersumpah dari kandang salah adalah merupakan juga satu bentuk keterangan (sila lihat *Azahan bin Mohd Aminallah v Public Prosecutor* [2005] 5 MLJ 334; [2005] 1 CLJ 374). Di penutup perbicaraan, s 182A Kanun Tatacara Jenayah dengan jelas menggariskan bahawa mahkamah hendaklah menimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan sebelumnya dan hendaklah memastikan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya sehingga tiada keraguan munasabah. Keterangan yang dimaksudkan oleh s 182A itu termasuklah kenyataan tidak bersumpah tertuduh kedua dalam kes ini. Persoalannya di sini, adakah hakim bicara telah menimbangkan kenyataan tidak bersumpah tertuduh kedua tersebut? Berkaitan persoalan ini, inilah apa yang dikatakan oleh hakim bicara:

> Secara ringkas tentang apa yang diperkatakan oleh ketiga-tiga OKT adalah secara langsung tentang perbezaan 'barang' dalam minda mereka adalah pisau bukannya dadah. Namun segala butir-butir perbualan, pergerakan bagi semua pihak yang terlibat adalah sama dengan versi keterangan pendakwaan.
>
> Versi pembelaan tentang penyerahan pisau yang OKT2 gunakan dalam suatu kesalahan jenayah walaupun ditimbulkan awalnya di dalam kes pendakwaan, tidak membawa apa-apa kesan kepada pembelaan mereka dan juga kepada kes prima facie pendakwaan kerana penggeledahan ke atas kereta tidak menjumpai apa-apa pisau yang dikatakan berada di but kereta proton waja itu. Dan tidak ada butiran pisau pun tercatat dalam senarai pemeriksaan bagi kes ini.

[37] Daripada petikan di atas, adalah jelas bahawa sebenarnya hakim bicara telah menimbangkan dengan secukup dan sewajarnya pembelaan yang dikemukakan oleh tertuduh kedua. Kami mendapati hakim bicara dalam penghakimannya telah menimbangkan dengan cermat dan berhati-hati pembelaan yang dikemukakan oleh tertuduh kedua yang diberi secara tidak bersumpah. Hakim bicara telah memperhalusi pembelaan tertuduh kedua tetapi telah menolaknya.

[38] Pada hemat kami, hakim bicara tidak terkhilaf apabila memutuskan pembelaan tertuduh kedua gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Ini adalah kerana terdapat keterangan jelas, yang mana telah kami huraikan di atas, menunjukkan bahawa tertuduh kedua memainkan peranan penting dalam rundingan dengan SP5 untuk menjual dadah cannabis tersebut.

[39] Sekarang kami beralih kepada alasan kedua yang dibangkitkan oleh tertuduh kedua, di mana dihujahkan oleh peguam bahawa hakim bicara tersalah arah apabila gagal untuk mengambil kira bahawasanya pemilik kereta Proton Waja No WKR 8275 di mana dadah dijumpai telah tidak dipanggil oleh pendakwaan. Pada hemat kami, hujah ini tiada merit. Sekalipun tuan punya kereta Proton Waja No WKR 8275 sama ada pemilik No WKR 8275

itu, Kamarudin bin Abu Samah atau pemilik chasis kereta itu, Salmah bt Laham, tidak dipanggil memberi keterangan, ia tidak menjejaskan kes pendakwaan kerana kes pendakwaan adalah bersandarkan kepada keterangan rundingan jual beli dadah oleh tertuduh pertama, kedua dan keempat dengan penyamar sulit SP5 dan 'Rizal' atas terma bahawa 1kg ganja dijual pada harga RM2,500. Adalah penting untuk ditekankan di sini bahawa kes pendakwaan bukan hanya bergantung kepada penemuan dadah dalam kereta tersebut. Tambahan pula, ketulan ganja telah ditunjuk sendiri oleh tertuduh kedua atas arahan tertuduh pertama. Melihat semua keterangan secara menyeluruh, tertuduh pertama, kedua dan keempat sememangnya berhasrat dari awal-awal lagi untuk menjual ketulan ganja yang disembunyikan di dalam kereta Proton Waja itu kepada SP5. Oleh itu, keterangan Kamarudin bin Abu Samah, jikapun dipanggil untuk menerangkan kepada mahkamah bahawa beliau adalah pemilik sah kepada nombor pendaftaran WKR 8275 tidak memberi apa-apa manfaat kepada kes pendakwaan, mahupun menyokong fakta pembelaan kerana hakikatnya plet nombor kereta Proton Waja yang dirampas ialah plet palsu. Begitu juga dengan keterangan Salmah bt Laham, jikapun dipanggil untuk menerangkan kepada mahkamah bahawa beliau pernah memiliki kereta yang mempunyai chasis yang berkenaan, ia tidak memberi apa-apa manfaat kepada kes pendakwaan mahupun menyokong fakta pembelaan kerana hakikatnya badan kereta Proton Waja yang dirampas itu memanglah kereta curi. Tambahan lagi, di dalam keterangan ketiga-tiga tertuduh, mereka mengakui mereka telah bersama-sama menaiki kereta Proton Waja itu pada hari kejadian.

RAYUAN TERTUDUH KEEMPAT (RAYUAN JENAYAH NO A-05–127 TAHUN 2010)

[40] Peguam tertuduh keempat telah membangkitkan dua alasan utama. Pertama, tertuduh keempat tidak mempunyai niat bersama. Kami telah pun membincangkan isu ini. Tidak perlu bagi kami mengulangnya lagi. Memadai di sini kami menekankan bahawa melihat keseluruhan keterangan yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan, hakim bicara adalah betul apabila memutuskan bahawa kesemua perbuatan tertuduh pertama, kedua dan juga keempat adalah menunjukkan bahawa minda mereka tertumpu kepada satu ketulan ganja yang hendak mereka jual kepada penyamar sulit SP5 sekalipun ia disebut sebagai 'barang'. Oleh itu, mereka yang termasuklah juga tertuduh keempat adalah merupakan orang yang mengambil peranan aktif dalam membuat persediaan untuk menjualkan ganja itu kepada SP5. Justeru, pada hemat kami, tertuduh keempat juga mempunyai niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan membuat persiapan dan persediaan untuk mengedar ganja itu kepada SP5.

[41] Mengenai alasan kedua yang dikemukakan oleh tertuduh keempat

bahawa hakim bicara telah tersalah arah kerana tidak memberi pertimbangan kenyataan tidak bersumpahnya, isu ini juga telah kami hurai dan putuskan di atas. Kami tidak berhasrat untuk mengulanginya di sini. Kami ingin tegaskan di sini sekali lagi bahawa hakim bicara sebenarnya telah mempertimbangkan pembelaan tertuduh keempat dalam penghakimannya sungguhpun beliau menyatakan bahawa 'kenyataan-kenyataan OKT dari kandang salah tidak harus diberikan apa-apa pertimbangan'. Ini jelas boleh dilihat daripada penghakiman hakim bicara yang telah pun mengupas pembelaan tertuduh keempat seperti yang boleh dilihat dalam rekod rayuan Jilid 1 ms 36–40. Dengan yang demikian, hujah peguam keempat tentang isu ini langsung tidak bermerit.

[42] Sebagai kesimpulannya, setelah meneliti penghakiman hakim bicara dan menimbangkan dengan teliti dan berhati-hati semua keterangan serta juga hujah semua pihak, kami sebulat suara telah memutuskan bahawa hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila mendapati tertuduh pertama, kedua dan keempat bersalah dan mensabitkan mereka atas pertuduhan yang berkenaan. Kami berpuas hati bahawa sabitan dan hukuman terhadap mereka adalah selamat. Dengan yang demikian, rayuan mereka ditolak. Kami mengekalkan sabitan dan hukuman mati terhadap mereka.

Rayuan-rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor